

SOALAN NO.: 427

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN
 : ATIQULLAH
KAWASAN : KUBANG KERIAN**

SOALAN:

YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH minta **MENTERI
KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk
menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang amat teruk bagi
laluan menuju ke Kelantan apabila tiba musim perayaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertambahan trafik di lebuhraya KL-Karak dan Lebuhraya Pantai Timur semasa musim perayaan adalah di antara 30% hingga 40 % berbanding pada kebiasaan pada cuti hari minggu. Peningkatan jumlah kenderaan tersebut selain tumpuan perjalanan pengguna yang serentak pada satu-satu masa tidak dinafikan akan menjejaskan kelancaran aliran trafik di sesetengah lokasi tertentu di lebuh raya.

Secara amnya, masalah kesesakan lebuh raya pada musim perayaan adalah lebih bersifat bermusim (seasonal factor) dan sering kali dikenalpasti berlaku di lokasi samada berhampiran plaza tol atau pun hentian rehat serta di lokasi laluan mendaki. Kejadian kemalangan atau masalah kerosakan kenderaan juga turut dikenalpasti sebagai punca penyumbang kepada masalah kesesakan di lebuh raya.

Bagi membantu melancarkan aliran trafik pada musim perayaan, pihak Kementerian Kerja Raya telah pun mengambil langkah proaktif dalam memastikan para pengguna dapat menikmati perjalanan yang selamat, lancar dan selesa dengan pelaksanaan langkah-langkah seperti berikut:

- vii. Memastikan pasukan ronda serta kren kembalik dalam keadaan siap siaga (*standby*) di lokasi-lokasi yang sering berlaku kemalangan untuk bantuan kecemasan atau kerja pengalihan kemalangan.
- viii. Bekerjasama dengan pelbagai saluran radio dan televisyen utama bagi tujuan penyaluran maklumat keadaan trafik semasa untuk kemudahan perancangan perjalanan para pengguna
- ix. Menyebarkan maklumat trafik semasa melalui laman sesawang, media sosial, twitter dan aplikasi LLM *Traffic Info* bagi membolehkan pengguna mendapatkan maklumat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.